

# Orang muda mampu cipta idea inovasi



## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

[bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

Dari kanan; Zulfawwaz, Mohamad Wafi dan Mohamad Syafiq bersama pingat emas yang dimenangi hasil ciptaan produk Bambusia Powder menggunakan rebung. (FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH)

Ramai yang berbangga melihat kejayaan anak muda Malaysia mencipta nama dan mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

Baru-baru ini, Jalur Gemilang sekali lagi berkibar di pentas antarabangsa dalam bidang inovasi dan kreativiti sehingga menggamit ucapan tahniah daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menerusi Twitternya.

Kejayaan Zulfawwaz Mahmood, Mohamad Wafi Samuddin dan Mohamad Syafiq Saifuddin membuktikan generasi muda Malaysia mempunyai inovasi yang baik.

Siapa sangka idea biasa berasaskan rebung dapat diinovasikan menjadi produk luar biasa bertaraf antarabangsa. Ini mungkin hanya satu potret kejayaan anak muda dalam berpuluh-puluh kejayaan yang pernah dikecapi dalam

pelbagai bidang seperti pendidikan, sukan, seni, kreativiti mahupun inovasi.

### Mampu bersaing peringkat global

Kita yakin generasi muda mampu bersaing pada peringkat antarabangsa dalam pelbagai bidang. Walau bagaimanapun, seluruh rakyat harus memberi ruang kepada mereka untuk membuktikan sesuatu kepada negara. Kalau

“*Kita mencadangkan lebih banyak pertandingan inovasi dianjurkan di universiti yang disertai mahasiswa dan mahasiswi serta pelajar sekolah*”

dulu pelajar hanya layak menjadi pembantu dalam kertas kerja atau kertas penyelidikan pensyarah, kini jika diberi peluang, mereka mampu mencipta idea inovasi, melakukan kajian penyelidikan, menganalisis fakta dan dan akhirnya mempersembahkan pembentangan yang berkualiti.

Kami menyambut baik Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 yang menggariskan enam ciri utama melahirkan pelajar yang mampu bersaing peringkat antarabangsa iaitu Pengetahuan, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Kepemimpinan, Kemahiran Dwibahasa, Etika Kerohanian dan Identiti nasional. Ternyata kesungguhan kerajaan jelas tergambar dalam pelan tersebut yang turut merangkumi 11 anjakan transformasi.

**Galakan berinovasi, kreatif**  
Kita mencadangkan lebih banyak pertandingan inovasi di-

anjurkan di universiti yang disertai mahasiswa dan mahasiswi ijazah pertama serta turut dianjurkan peringkat sekolah. Idea pertandingan KIK (Kumpulan Inovatif Kreatif) yang menjadi acara tahunan jabatan kerajaan juga boleh dilebarkan pada peringkat sekolah dan universiti. Galakan untuk berinovasi dan berkreatif dipupuk sejak dari bangku sekolah mampu melahirkan generasi Malaysia yang lebih dinamik.

Kita amat sedih kerana kegemilangan Islam yang kita banggakan hanya tinggal kenangan. Keadaan inilah yang membawa seorang pemikir Islam masa kini Prof Dr Mahmud Hamdi Zaqzuq dari Mesir menyifatkan umat Islam hari ini sebagai umat dilema dalam dunia yang penuh misteri.

Sudah tiba masanya, Malaysia memugar jalan untuk mengangkat nama negara Islam sebagai pelopor inovasi terulung pada abad ini.

**Muhammad Azmil Abu Seman**  
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia